

PENYELIDIKAN ARKEOLOGI SENI DAN SEJARAH TAMADUN CAM

NIK HASSAN SHUHAIMI NIK ABD. RAHMAN

Tamadun Cam dipercayai lahir selewat-lewatnya pada abad kedua masehi. Pendapat tersebut berbuktikan kepada sumber China. Mengikut sumber tersebut beberapa buah kerajaan telah wujud di Asia Tenggara dalam abad kedua masehi. Antara kerajaan tersebut ialah Campa (Vietnam), Langkasuka (Selatan Thailand) dan Funan (Kemboja). Beberapa orang sarjana telah menjalankan penyelidikan tentang sejarah kerajaan Cam tersebut dan antaranya ialah George Coedes (1948), Malleret (1950) dan D.G.E. Hall (1955). Mereka telah mengguna sumber China arkeologi seni, agama, monumen dan inskripsi. Mengikut maklumat terkini, sejarah tamadun Cam boleh juga diperolehi daripada sumber Arab.

Tamadun Cam adalah salah sebuah daripada tamadun yang diasaskan oleh penutur bahasa Melayu-Polynesia atau Austronesia. Penutur bahasa tersebut juga dipercayai pengasas kepada tamadun Funan dan Langkasuka dan tamadun Cam di Kepulauan Asia Tenggara. Maka tamadun ini dipercayai lahir akibat daripada perdagangan antara kawasan di Asia semenjak zaman prasejarah akhir iaitu zaman logam. Tamadun ini terletak dalam kawasan yang sempadan utaranya ialah 18^o garis lintang utara (porte d' Annam) dan di selatan 11^o garis lintang. Negara Campa sebelum abad ke 15 terbahagi kepada beberapa wilayah iaitu Indrapura, Amaravati dan Vijaya.

Antara sumber arkeologi diguna dalam pembinaan tamadun Cam terdiri daripada arca agama, candi, tembikar tanah, tembikar perdagangan dan inskripsi. Dipercayai terdapat lebih daripada 206 inskripsi yang dijumpai berkait dengan sejarah tamadun Cam. Inskripsi tersebut ditulis dalam bahasa Cam atau Sanskrit atau kedua-dua sekali. Namun sebilangan kecil sahaja daripada inskripsi tersebut yang telah ditranskripsikan. Banyak lagi maklumat tentang tamadun Cam yang boleh dicungkil daripada inskripsi yang belum ditranskripsi.

Penyelidikan Lepas

Setakat ini belum wujud satu hasil yang komprehensif tentang asal usul tamadun Cam. Apa yang wujud pada hari ini ialah sejarah politik kerajaan Campa. Kebanyakan sarjana yang mengkaji sejarah tersebut memfokuskan kepada konflik politik di antara raja-raja Campa dengan Vietnam dan Kemboja. Kajian sedemikian memberi fokus kepada kebaikan dan keburukan seseorang pemerintah dan membincang kenapa seseorang pemerintah itu berjaya mempertahankan satu-satu dinasti dan kenapa jatuhnya satu-satu dinasti.

Aspek-aspek lain tentang asal-usul dan sejarah budaya tamadun Cam tidak dijadikan isu utama dalam penyelidikan sejarah Campa sehingga ke hari ini. Sekiranya diteliti tulisan-tulisan berhubung dengan sejarah tamadun Cam didapati tidak terdapat maklumat tentang adat istiadat, mazhab agama yang diamalkan dibincang secara nyata. Untuk mengetahuinya terpaksa dicungkil secara tidak langsung melalui cara pemerhatian terhadap warisan arkeologi.

Kajian terawal yang menyentuh tentang warisan seni Campa dibuat oleh A. Cabaton, *Nouvelles Recherches Sur les Chams*, Paris, 1901. Kemunculannya diikuti oleh H. Parmentier, *Inventaire descriptif des monuments chams de l'Annam* (1909); H. Parmentier, *Les sculptures Chames au Musée de Tourane*, (1922); Maspero, *Le royaume de Champa*, (1928); J. Leuba, *Un royaume disparu; Les Chams et Leur art*, (1923). Kajian yang paling menarik adalah karya P. Stern berhubung *L'art du Champa et son évolution*, (1942); J. Boisselier, *La statuaire du Champa; recherches sur les cultes et l'iconographie*, (1963).

Pengkaji sejarah seni tamadun Cam yang memfokus kepada warisan arca dan candi telah membahagikan sejarah tersebut kepada fasa-fasa berikut :

- (i) My Son El – permulaan pengaruh India sehingga ke abad 9 Masehi.
- (ii) Indrapura dan seni Dong Duong (877 Masehi ke abad 10 Masehi).
- (iii) Abad 10 ke Masehi: My Son Al.
- (iv) Vijaya (1000 Masehi ke 1177M).
- (v) Chanh Lo.
- (vi) Thap Mam abad 12 Masehi.
- (vii) Gaya akhir ke 14 Masehi.

Pembahagian kepada fasa-fasa tersebut dibuat berdasarkan kepada koleksi seni arca Cam, di Muzium Da Nang, (Emmanuel Guillon, 2001) dan merujuk kepada monumen di My Son, Indrapura, Dong Duong, Vijaya, Chanh Lo dan Thap Mam.

Langgam My Son El yang dikatakan sebagai petunjuk kepada permulaan pengaruh India ke Champa dikelaskan kepada langgam tersebut berasaskan kepada arca agama daripada kumpulan arca My Son El. Namun demikian kepada pengkaji sejarah seni, pentarikan dan pembahagian kepada langgam tersebut tidak nampak asas-asas yang kukuh bagi dijadikan kriteria untuk menjelaskan kenapa ia dikelaskan kepada langgam tersebut. Kenyataan seperti “.... a group of sculptures from My Son group E, in particular the El shrine, provides the first important evidence for the originality of the Cham sculpture...”¹

Antara contoh-contoh arca agama yang tergolong kepada zaman langgam My Son El ialah arca Buddha dari Dong Duong yang dikategorikan sebagai langgam Amaravati², Dewa Siva Menari, Pos-My Son El daripada My Son C³ dan arca badan Siva fig. 17 dan arca Ganesa fig. 16 dan arca Avoloketisvara dari Binh Dinh yang dikatakan pengaruh Hindu-Jawa (fig 5 hal 35).

Langgam Indrapura dan Seni Dong Duong (875 Masehi ke Abad 10 Masehi)

Langgam ini lahir daripada dinasti yang memerintah di Indrapura (875 Masehi), di mana terletak Quang Nam pada hari ini. Pengasasnya Indravarman II yang memerintahkan pembinaan candi di Dong Duong. Sungguhpun agama dan adat istiadat utama Campa ialah Hindu yang berpegang kepada mazhab Siva, namun candi yang dibina adalah berasaskan kepada agama Buddha Mahayana. Candi tersebut dikatakan yang paling agung dalam sejarah Cam⁴ dan dibina untuk didedikasikan kepada Lakshmindra Lokeshvara iaitu dua nama yang dirangkaikan iaitu raja dan *bodhisattva*.

Arca dari Dong Duong dikatakan memiliki keaslian tersendiri tetapi namun dari segi ikonografinya dipengaruhi oleh China. Hal ini agak menarik memandangkan dalam aspek budaya yang lain, Champa sentiasa menolak pengaruh dari utara. Satu aspek yang menarik tentang arca Dong Duong ialah tentang badannya iaitu dikatakan dilaksanakan mengikut skema yang telah diatur tetapi mukanya mula menunjukkan bentuk yang *stylized*, seperti diada-adakan. Setiap arca memberi senyuman yang menandakan kepuasan dan ketenangan. Mana-mana arca yang menonjol sifat marah pada raut mukanya adalah pengaruh China dan berkembang sehingga abad 12 Masehi.

Langgam arca Dong Duong dikatakan tidak setakat mempengaruhi arca agama Buddha sahaja tetapi juga mempengaruhi arca agama Hindu. Hakikat tersebut boleh dilihat dalam arca agama Hindu di Qua Giang iaitu pengaruh kepada

arca Siva. Di samping itu pula senibina Dong Duong dikatakan mempunyai pengaruh yang besar terhadap seni bina di My Son iaitu candi A13 dan A14. Pengaruh Dong Duong juga dapat dilihat dalam hiasan emas pada arca yang ditemui di candi My Son 7. Langgam tersebut dikatakan perkembangan dari langgam Dong Duong ke Hoa Lai.

Langgam Abad Ke 10 Masehi

Dari segi sejarah, pertengahan abad ke 10 itu merupakan zaman kritikal dari segi politik Campa kerana hubungan dengan Kemboja membawa kepada perang dan akibatnya Po Nagar di Nha Trang diserang dan dirompak.

Pada zaman ini, agama anutan kembali kepada agama Hindu Siva. Sifat seni agama kelihatan lebih berpijak kepada bumi nyata iaitu arca-arca dewa dan dewi lebih dekat wajahnya kepada wajah manusia pada realitinya. Antara tempat yang berkaitan dengan seni zaman ini adalah Khuong My, My Son A1, Hong Que dan Tra Kieu.

Mengikut pendapat Emmanuel Guillon (41) seni bina dan seni arca waktu ini dipengaruhi oleh Jawa. Langgamnya menunjukkan kelainan bukan dari aspek seni tetapi lebih kepada teknik yang tidaklah memperlihatkan inovasi yang besar. Ini kemungkinannya akibat tekanan dari Vietnam ke atas Campa dan serangan serta pembunuhan raja Campa pada tahun 1000 Masehi.

Abad ke 10 Masehi dikatakan sebagai zaman penurunan nilai seni Campa mengikut pengakji seni Campa. Ini kerana dalam pertengahan abad ke 10 tersebut kelihatan perubahan pada seni di Khuong My dan Phong Le dekat Da Nang. Di Khuong My terdapat 4 buah candi dan satu daripadanya candi yang dibina untuk orang Vietnam. Hiasan candi di Khuong My masih dipengaruhi oleh Dong Duong pada amnya tetapi terdapat perubahan dari aspek khusus iaitu binaan lebih berbentuk diagram.

Patung di Dong Duong, ditinjau dari aspek langgam, didapati terletak di antara langgam Dong Duong dan My Son A1/Tra Kieu. Tetapi langgamnya lebih dekat kepada My Son A1/Tra Kieu. Walaupun langgam zaman itu dikatakan sebagai langgam zaman transisi namun ada juga arca-arca yang dihasilkan mencerminkan keunikan dan keistimewaan yang tersendiri. Sebagai contohnya dapat diperhatikan sebuah patung Dewi Devi yang diperbuat daripada batu pasir dihasilkan di Hong Que dan pada waktu ini disimpan dalam Muzium Sejarah

bandar Ho Chi Minh. Patung tersebut memiliki wajah wanita tempatan iaitu menggambarkan ciri sebenar dan bukan diada-adakan seperti dalam langgam Dong Duong.

Seni yang lahir di Khuong My itu membuka tirai kepada kelahiran seni di My Son A1 dan Tra Kieu. Perkembangan tersebut adalah kerana wujud dalam zaman tersebut seorang raja bernama Indravarman III yang memerintah di antara tahun 911 dan 958 dan penggantinya Jaya Indravarman I dan Parmeshvaravarman I yang mana masing-masing cuba membuktikan kepada musuh iaitu Vietnam bahawa walaupun dalam keadaan peperangan mereka masih berjaya meneruskan tradisi seni agama.

Emmanuel Guillon menyatakan “My Son A1 might be considered the most perfect expression of Cham architecture, with the nobility and balance of its proportion, and the subtlety and absence of affection or overloading in its carved décor.”⁵

Satu lagi ciri patung seni bina dan arca agama zaman ini ialah hiasan motif dan arca dengan hiasan motif manusia tetapi berbentuk bukan manusia. Pengaruhnya datang dari seni agama Jawa. Antara contoh seni arca zaman ini ialah penari Fig 19 dan 20 (Emmanuel Gullion, 2001:46) dan arca gajah, Fig 27⁶.

Seni Zaman Vijaya Dan Kejatuhannya (1000-1177)

Kejatuhan Indrapura membawa kepada pembentukan pusat politik di Vijaya, An Nhon (Binh Dinh) dan penaklukan 3 daerah di utara kepada Vietnam dalam tahun 1069. Perpindahan ke selatan itu membawa kepada konflik dengan Kemboja dan berakhir dengan penaklukan Vijaya dalam tahun 1145 oleh Suravarman II pengasas Angkor Wat. Campa pula berjaya menakluki Angkor pada tahun 1177 tetapi tidak lama kemudian menerima kehancuran akibat tindakbalas Angkor.

Dalam zaman ini seni agama Cam kelihatan menurun dari segi kualiti berbanding dengan seni My Son A1, dan Tra Kieu. Antara produk zaman ini ialah My Son E4, tiga buah di Chien Dang dan candi utama di Po Nagar, Binh Lam dan Thu Thien. Seni arca agama Cam juga dipengaruhi oleh beberapa langgam dari Kemboja.

Pemerhatian yang sama boleh dapat dibuat terhadap candi berbentuk lapan segi di Chanh Lo, sebuah lokasi baru dalam perkembangan seni agama dalam zaman ini.

Langgam Thap Mam

Sememangnya sebelum tahun 1934 tidak ada data yang kukuh untuk melihat langgam Thap Mam. Tetapi dalam tahun 1934, J.Y. Claeys telah melaporkan penemuan satu kelompok arca agama, peralatan candi dan hiasan seni bina. Kajian terhadapnya menunjukkan tarikh kewujudannya pada abad 12 Masehi. Antara jenis arca ialah arca dvarapala, pelbagai binatang mitologi dewi dan penari.

Sifat arca langgam ini dinilai dari aspek kualiti menunjukkan seninya menurun dari zaman sebelumnya. Fokus seni adalah kepada hiasan motif seni bina dan tidak diutamakan tentang ketepatan ikonografi. Keadaan tersebut ada kaitannya dengan pengaruh yang datang dari Vietnam⁷ dan pengaruh tersebut dapat dilihat melalui arca berbentuk binatang mitologi. Namun ada juga arca yang masih memiliki pengaruh Kemboja.

Ciri utama dalam seni Thap Mam adalah hiasan berbentuk “... like a snail curl in high relief with a curve...” mengikut P. Stern dan contohnya ialah berdasarkan katalog nombor 147-156. Motif tersebut diterima oleh pengkaji sebagai motif Thap Mam. Dengan berpandukan kepada motif tersebut pengkaji dapat mengatakan sama ada motif Thap Mam atau bukan dan secara tidak langsung menentukan tarikhnya. Langgam Thap Mam adalah langgam terakhir dalam seni agama Cam.

Selepas 1177

Campa berjaya menakluk Angkor dalam tahun 1177. Namun penaklukan itu tidak mengakhiri konflik dengan Kemboja tetapi membawa kepada berlakunya lebih banyak peperangan dengan Kemboja. Tarikh 1203 penting kepada Campa kerana ia menjadi titik permulaan kepada aktiviti melahirkan seni agama kerana Campa menjadi jajahan takluk Kemboja. Zaman antara 1203 ke 1220 meninggalkan warisan seni Campa jenis Kemboja. Walau pun ternampak kegiatan berseni selepas 1220 tetapi ada halangan-halangan lain seperti serangan daripada Vietnam dan akhir abad 13 terdapat serangan daripada orang Mongol. Pada awal abad ke 14 dua daerah utara kerajaan Campa ditakluk oleh Vietnam

Di beberapa tempat di Campa aktiviti membina candi masih berlaku tetapi hasilnya tidak hebat. Arca agama yang dihasilkan jelas menunjukkan ciri penurunan mutu. Dari tahun 1402 ke 1471 tapak-tapak seni agama seperti My Son, Tra Kieu dan Dong Duong, telah ditinggalkan kerana pusat pemerintahan Vijaya ditakluki. Maka mulai tarikh tersebut seperti juga sejarah politik Campa sebagai kerajaan besar hampir malap begitu juga halnya dengan sejarah seni agamanya.

Prospek Penyelidikan Akan Datang

Penyelidikan akan datang harus secara mutlak meletak perkembangan seni agama Cam dalam rangkaian evolusi dan perkembangannya. Tujuannya ialah untuk menyedia deskripsi dan analisa terperinci tentang seni dan bahan-bahan arkeologi lain diperolehi melalui kerja lapangan arkeologi yang terancang. Matlamat akhirnya adalah untuk mendapat satu kesimpulan tentang ciri-ciri seni agama itu sendiri dan isu yang belum dapat diputus berkait dengan:

- (i) Jenis dan sifat pusat-pusat pemerintahan yang tercatat data sejarah seperti Indrapura dan Vijaya dan juga tempat terdapatnya warisan seni seperti Khuong Mong, My Son, Tra Kieu dan lain-lain lagi.
- (ii) Persoalan-persoalan autonomi dan pergantungan pusat-pusat tersebut sebagai aktiviti politik dan budaya dan apakah elemen yang sama dan yang tidak sama.

Dalam analisa patung Hindu dan Buddha perbincangan sepatutnya memfokus kepada ikonografi, asal-usul dan perkembangan langgam dan kronologi dalam konteks Asia yang lebih luas. Bukti lain diguna dalam analisis dan kajian terhadap hipotesis berhubung dengan isu-isu yang belum selesai seperti:

- (a) Tinggalan monumen dan kegiatan yang melibatkan pengeksplotan alam sekitar.
- (b) Urutan stratigrafi, sekiranya ada.
- (c) Perdagangan dan seramik tempatan.
- (d) Inskripsi.
- (e) Urutan kronologi tempatan dan kawasan.

Usaha akan dibuat untuk disintesis satu kesimpulan kerana usaha itu dapat dilaksana apabila diambil kira kajian lepas dan sumber bertulis lain. Harapan kita adalah usaha itu akan membawa kepada pembentukan sebuah kerangka sejarah dan seni dan melahirkan fahaman yang lebih jelas tentang sejarah, budaya, perdagangan dan masyarakat dikawasan-kawasan tersebut.

Perlunya kajian seumpama ini lahir daripada beberapa sebab. Pertamanya ialah penemuan baru arkeologi hasil daripada penyelidikan terkini. Kedua, kajian lepas tidak semestinya mutlak dan kajian paling lengkap harus dilaksanakan untuk menghasilkan data yang tepat.

Tidak dinafikan bahawa beberapa orang sarjana yang terkenal dengan kaedah analisis seni bina dan seni arca pernah terlibat dalam kajian evolusi dan perkembangan seni agama seperti P. Stern, Parmentier dan Boisselier namun

kerana kajian mereka, walaupun sesetengah terperinci, masih tidak menyeluruh. Mereka tidak berjaya memberi definisi yang khusus kepada setiap langgam yang telah mereka kenali.

Sebagai contoh, sekiranya diteliti karya yang diterjemahkan oleh Emmanuel Guillon, *Cham art, treasures from the Da Nang museum*, Vietnam didapati bahawa sukar untuk melihat apakah ciri-ciri sebenar setiap langgam. Memang disebut dalam buku tersebut langgam-langgam yang boleh dilabelkan kepada arca agama dan senibina agama Cam dan kronologinya tetapi secara spesifiknya tidak dijelaskan apakah ciri persamaan dan perbezaan. Mungkin juga penulis buku tersebut meminta pembaca merujuk kepada tulisan Boisselier yang telah mengkaji tentang evolusi dan perkembangan seni arca Campa untuk mendapat gambaran yang lebih baik⁸.

Asas utama yang digunakan oleh sarjana pada masa-masa lepas untuk mengkategorikan langgam-langgam tersebut adalah berpandukan rangka dan perkembangan politik. Turun naik kedudukan politik kerajaan Campa dikatakan factor utama dalam arus kemajuan dan kejatuhan seni. Sejauhmana pendapat ini boleh dipertahankan bergantung kepada kajian yang mendalam.

Dalam kajian lepas terdapat tajuk-tajuk yang menyebut, perkataan 'seni Cam', tetapi kalau diteliti kandungannya didapati tidak wujud usaha untuk menunjukkan apa yang dimaksudkan dengan 'seni Cam' tersebut. Apa yang kelihatan ialah pelbagai langgam yang wujud dalam seni agama kerajaan Champa. Ada pengkaji yang sedar tentang betapa amat sukar memberi definisi kepada konsep 'seni Cam' telah menggunakan tajuk kajian seperti 'La stauire du Champa'⁹. Tajuk sedemikian memberi gambaran bahawa 'seni Cam' itu adalah terdiri daripada pelbagai langgam.

Kajian terhadap kult agama yang diamalkan di zaman kerajaan Campa boleh dicungkil daripada arca dan ukiran pada dinding candi yang juga terhadap 'dvarapala' atau pengawal pintu ke candi. Memang terdapat kajian lepas terhadap aspek tersebut. Antaranya kajian yang terkini oleh Tran Ky Phuong dalam tulisannya dalam bahasa Vietnam yang bermaksud "My Son sanctuary: The cult, the art and the issues of preservation"¹⁰.

Selain daripada itu isu-isu pengaruh seni agama lain ke atas seni arca Campa boleh dibincang dengan lebih terperinci lagi. Memang disebut dalam penulisan sarjana lepas tentang pengaruh tetapi aspek tersebut tidak dibincang dengan menyeluruh dan terperinci. Apa yang disebut ialah pengaruh yang umum.

Contohnya kalaulah zaman dalam sejarah Campa itu adalah zaman kuasa Vietnam, maka pengaruh itu dikatakan pengaruh besarnya datang daripada Vietnam dan begitu juga kalau zaman itu zaman kuasa Kemboja maka pengaruh seni datang daripada Kemboja. Konsep pengaruh umum boleh ditukar kepada yang khusus sekiranya dibuat perbandingan terperinci. Sebagai contoh, sekiranya dibincang tentang arca dewa maka segala aspek arca tersebut seperti pakaian, hiasan, raut muka, ikonografi, cara duduk dan cara berdiri serta pelapik kaki atau tempat duduk perlu dibanding setiap satu dengan arca yang dibandingkan itu. Pendekatan tersebut dapat menghasilkan kajian yang komprehensif dan dapatlah seni arca-arca itu diberi label langgam yang sesuai.

Dalam kajian lepas terdapat satu zaman yang panjang dalam perkembangan sejarah seni Campa iaitu abad 1 Masehi sehingga ke 8 Masehi. Namun tidak terdapat banyak contoh-contoh seni arca dan seni bina untuk zaman ini kecuali arca Buddha dari Dong Duong yang dikatakan pengaruh Amaravati dan seterusnya tinggalan di My Son dan P Nagar abad 7-B.1. Isu yang besar tentang zaman tersebut adalah soal proses Indianisasi.

Di Funan terdapat kisah Puteri *Willow Leaf* yang boleh dijadikan simbol proses Indianisasi tersebut dan untuk Campa walaupun terdapat legenda tempatan tentang asal-usul Champa ia tidak boleh dikaitkan dengan proses Indianisasi. Mengikut legenda tersebut pada tahap awalnya Campa diperintah oleh dua suku. Bahagian utara diperintah suku pinang. Suku tersebut dikatakan sebagai suku lelaki dan di selatan diperintah oleh suku kelapa iaitu suku perempuan.

Legenda tersebut mencerminkan konsep dualisme dalam kepercayaan masyarakat. Sekiranya dikaitkan dengan agama Hindu maka candi-candi di My Son mewakili dewa utara iaitu Bhauresvara dan di selatan di Po Nagar untuk dewi Bahagavati. Maka kehadiran legenda tersebut dalam zaman candi di My Son dan juga Po Nagar menunjukkan agama Hindu telah bertapak di Campa, tetapi proses Indianisasi tidak dapat dipastikan.

Maka kajian arkeologi perlu dibuat untuk mengesan warisan zaman pembentukan pengaruh India ke atas Campa dan melalui warisan tersebut dapat menyusurgalurkan proses Indianisasi. Ini kerana Campa tidak mungkin muncul secara tiba-tiba dalam abad ke 2 Masehi seperti yang ditunjukkan oleh sumber China. Melalui survei arkeologi yang sistematik dan komprehensif kemungkinannya warisan zaman abad-abad awal itu dapat dikesan dan seterusnya dapatlah warisan seni yang diperolehi itu dikaji secara teliti.

Masalah

Keupayaan untuk mencari warisan-warisan yang tersembunyi akibat daripada zaman yang lain dan telah berlaku amat rumit. Ia memerlukan survei arkeologi yang intensif dan komprehensif. Hasil daripada survei itu harus diikuti dengan ekskavasi arkeologi yang sistematik. Survei dan ekskavasi memerlukan sumber kewangan yang besar. Justeru itu usaha tersebut harus menerima bantuan wang dan kepakaran antarabangsa.

Malahan pula pada waktu Perang Vietnam, warisan seni Campa, khususnya di My Son mengalami kerosakan yang teruk akibat daripada bom yang dijatuhkan oleh tentera Amerika Syarikat daripada kapal terbang B52 dalam tahun 1969. Kesannya ialah kebanyakan daripada menara runtuh. Pada hari ini di My Son lubang-lubang besar tempat bom jatuh masih boleh dilihat. Dua buah candi di My Son A1 dan E4 telah musnah sepenuhnya dan lain-lain candi mengalami kerosakan yang teruk.

Dalam tahun 1978, My Son dibersihkan dan jerangkap-jerangkap samar dikeluarkan dan dimusnahkan. Dan dalam tahun 1980 satu pasukan pakar konservasi dari Poland bersama-sama dengan Pusat Konservasi Warisan Budaya Kementerian Kebudayaan dan Penerangan Vietnam telah menjalankan penyelidikan di Vietnam Tengah. Dalam bulan Disember 1999 My Son disenaraikan oleh UNESCO sebagai Warisan Budaya Dunia.

Kesimpulan

Maklumat tentang arkeologi seni dan sejarah tamadun Cam masih belum mantap. Punca utamanya ialah penyelidikan arkeologi amat terhad kerana masalah kewangan dan kepakaran. Hasil kajian lepas menampakkan beberapa kekurangan. Antaranya ialah kajian yang tidak komprehensif dan terperinci. Masih terdapat ruang yang boleh dikaji. Kajian melalui ekskavasi arkeologi akan menambah data yang lebih bertanggungjawab. Analisis jumpaan yang terperinci akan dapat melahirkan rangka evolusi dan perkembangan tamadun dan sejarah Cam yang lebih mantap.

NOTA AKHIR

- ¹ Emmanuel Guillon, 2001:33.
- ² Emmanuel Guillon, 2001: Fig 2,32.
- ³ Emmanuel Guillon, 2001;33 fig 3.
- ⁴ Emmanuel Guillon, 2001:36.
- ⁵ Emamnuel Gullion, 2001:45.
- ⁶ Emamnuel Gullion, 2001:44.
- ⁷ Emamnuel Guillon, 2001:58.
- ⁸ Boisselier, 1955.
- ⁹ Boisselier, 1963.
- ¹⁰ Groslier, B.P. 2002.

RUJUKAN

- Boisselier, J. 1955. *La statuaire khmère et son évolution*. Paris.
- Cabaton, A. 1901. *Nouvelles recherches sur les Chams*. Paris.
- Cleys, J.Y. 1934. *Introduction à l'étude de l'Annam et du Champa*. Hanoi.
- Coedes, G. 1948. *Les Etats hindouisés d'Indochine et d'Indonésie*. Histoire du monde. Vol. III. Paris.
- Groslier, B.P. 2002. *Indochina persilangan kebudayaan*. Jakarta.
- Guillon, E. 2001. *Cham art. Treasures from the Da Nang Museum, Vietnam*: Bangkok.
- Hall, D.G.E. 1955. *A history of South East-Asia*. London.
- Majumdar, R.C. 1927. *Ancient Indian colonies in Far-East: Champa*. Lahore.
- Malleret, Louis. 1950. *The Buried Town of Oc Eo and the Funanese Sites of Transbassac in Chocin China*. Annual Bibliography of Indian Archaeology XV: LI – LVI.
- Maspero, G. 1928. *Le royaume de Champa*. Paris.
- Parmentier, H. 1909. *Inventaire descriptif des monuments Chams de l'Annam*. Paris.
- Parmentier, H. 1922. *Les sculptures Chames au musée de Tourane*. Paris et Bruxelles.
- Stern, P. 1942. *L'art du Champa et son évolution*. Toulouse.